

Pemimpin tak wajar persoal kesetiaan masyarakat India



Calon Doktor Falsafah (PhD) Sains Politik, Universiti Malaya (UM)

Oleh Sharmin Kutty
bhrencana@bh.com.my

Sekali lagi polemik dicituskan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed berkaitan dengan kedudukan kaum di negara ini yang kali ini menyentuh masyarakat India yang dianggap tidak setia sepenuhnya.

Dalam temu bual eksklusif secara dalam talian disiarkan saluran TV satelit, *India Thanthi TV*, Dr Mahathir menyebut masyarakat India masih tidak setia sepenuhnya kepada negara ini kerana didakwa masih 'terikat' dengan negara asal mereka.

Bagi bekas Perdana Menteri dua kali itu, seseorang itu harus dikenali sebagai orang Melayu untuk berhak menganggap Malaysia sebagai negara sendiri.

Kita secara rasional dan realistik mengakui bahawa tidak boleh melupakan jasa negarawan yang pernah berkhidmat untuk negara selama 22 tahun dan ditambah lagi dua tahun ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH) 1.0 dahulu.

Namun, harus diingat ketika menjadi Perdana Menteri kali pertama, antara pemimpin India berada dalam Kabinet beliau ialah bekas Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC, Tun Dr Samy Vellu.

Malah, selepas kembali menjadi Perdana Menteri pasca-Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), Dr Ma-

hathir memberikan jawatan menteri kepada empat menteri daripada masyarakat India, iaitu Menteri Komunikasi Digital, Gobind Singh Deo; Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran; Menteri Air Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Waathya Moorthy yang turut dipertanggungjawabkan untuk menjaga Unit Transformasi Masyarakat India (MI-TRA).

Sudah tentu, pemilihan pemimpin India itu berasaskan taat setia kepada negara, apatah lagi mereka perlu mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia, Sumpah Simpan Rahsia di hadapan Yang di-Perutusan Agong sebelum dilantik.

Realitinya, Perlembagaan Persekutuan menjadi asas kepada pembentukan negara yang menegaskan Islam sebagai agama rasmi, manakala agama lain masih boleh diamalkan seperti turut dimeterai dalam kontrak sosial.

Dasar kebersamaan pelbagai kaum

Oleh itu, negara ini dibina atas dasar kebersamaan pelbagai kaum dan etnik, agama serta budaya yang perlu ditonjolkan sebagai wadah integrasi nasional.

Dalam pentadbiran negara mempunyai kepelbagaian agama dan budaya berbeza, seseorang perlu memahami elemen perpaduan, penyatuan serta kesepaduan.

Perpaduan merujuk kepada matlamat akhir negara berbilang etnik dengan setiap perkara dikong-

si secara bersama, manakala kesepaduan pula keadaan aman, stabil serta makmur tanpa menafikan akan tetap wujud defisit sosial dalam sesebuah masyarakat.

Oleh itu, penyatupaduan ialah usaha berterusan pada peringkat semua lapisan masyarakat untuk sedaya upaya menyelesaikan masalah defisit yang wujud dengan amalan yang tawar-menawar, perundingan dan mediasi.

Tiga elemen ini membawa masyarakat untuk terus bersama berganding bahu dalam menyelesaikan sebarang masalah yang wujud dalam masyarakat.

Malangnya, kontroversi kenyataan Dr Mahathir memberikan imej cukup buruk kepada negara sedangkan selama ini pembangunan dalam pelbagai bidang dilakukan secara bersama, termasuk ketiga-tiga-kaum yang bergandingan antara satu sama lain.

Komentar Dr Mahathir itu dibimbangi mencestuskan syak wasangka dalam kalangan rakyat tersendiri pada masa sama membawa kontroversi antara pemimpin dengan masyarakat sedangkan sumbangan, kerjasama dan pemahaman bersama selama ini mengangkat negara ke tahap lebih tinggi.

Sebagai rakyat dan pemimpin berwawasan, kita semua sepatutnya menanamkan unsur nilai seperti yang turut terkandung dalam dasar Malaysia MADANI untuk menjelaskan elemen asas yang diperlukan dalam pembangunan holistik.